

POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Kementerian Sumber Asli Dan Pembangunan Bandar Sarawak (MUDeNR) sangat komited dalam memastikan segala urusan perkhidmatan di Kementerian ini dilaksanakan dengan penuh berintegriti dan beretika.


Bagi mengelak salah laku, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa serta menutup ruang dan peluang melakukan rasuah, MUDeNR komited melaksanakan perkara-perkara berikut :-

1. Memastikan warga MUDeNR yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana proses kerja, untuk mengisytiharkan kepentingannya secara bertulis kepada Setiausaha Tetap.
2. Memastikan warga MUDeNR yang mempunyai kepentingan dalam membuat keputusan dalam mesyuarat untuk mengisytiharkan kepentingan secara bertulis dan hendaklah meninggalkan mesyuarat tersebut.
3. Menggantikan mana-mana warga MUDeNR yang telah mengisytiharkan kepentingannya dengan pegawai yang tidak mempunyai kepentingan dalam proses kerja atau mesyuarat tersebut.
4. Memastikan urusetia mesyuarat merekod pengisytiharan kepentingan dan tindakan pegawai tersebut meninggalkan mesyuarat di dalam minit mesyuarat.
5. Warga MUDeNR dilarang untuk :
 - i. Mempunyai kepentingan peribadi dengan pihak ketiga yang terlibat dengan apa-apa urusan rasmi di MUDeNR;
 - ii. Menyalurkan apa-apa maklumat berkaitan MUDeNR yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi di MUDeNR;
 - iii. Menjalankan apa-apa bentuk transaksi dengan menggunakan akaun peribadi dengan pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi di MUDeNR;
 - iv. Menggunakan kedudukan rasmi untuk mengembangkan kemajuan kerjaya atau perniagaan saudara dan sekutu di MUDeNR.

Warga MUDeNR dan mana-mana individu serta pihak berpentingan dengan MUDeNR perlu memahami dan mematuhi polisi ini.

Kegagalan warga MUDeNR mematuhi polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib manakala kegagalan mana-mana individu serta pihak berkepentingan mematuhi polisi ini, maka pihak MUDeNR akan melaporkan kepada Badan/Agensi Penguatkuasaan untuk tindakan lanjut.

Diluluskan Oleh:



DATU HAJI ABDULLAH BIN JULAIHI

Setiausaha Tetap

Kementerian Sumber Asli Dan Pembangunan Bandar

Tarikh : 11 MAR 2026